MUAT TURUN SEKARANG
TRDI NEWS
Download on the App Store
GET IT ON Google Play





UTAMA SEMASA PENDIDIKAN

# TDM Plantation Jalin Kerjasama Dengan UCTATI Tingkat Produktiviti Syarikat

Noraini Jusoh 03 Dis 21 09:04 PTG 20



KUALA TERENGGANU, 3 Disember- TDM Berhad melalui bahagian perladangannya, TDM Plantation Sdn Bhd memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Kolej TATI (UCTATI) untuk meningkatkan produktiviti dan operasi syarikat melalui teknologi mekanisasi dan perkongsian kepakaran inovasi.

Pada majlis MoU yang berlangsung di Hotel Permai semalam, TDM Plantation diwakili Penasihat Perladangan TDM Jalaini Che Kar dan Ketua Pegawai Eksekutif TDM Plantation Sdn Bhd, Hamdan Ibrahim.

Manakala UCTATI diwakili rektornya Profesor Dr. Anuar Ahmad dan Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Profesor Madya Ts. Dr.Rosliza Ramli.

Turut menyaksikan MoU tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi Negeri, Satiful Bahari Mamat dan Pengarah Eksekutif TDM, Najman Kamaruddin.

Menurut Hamdan, kerjasama itu merupakan satu peluang bagi syarikat untuk mendapatkan pandangan dalam bidang inovasi teknologi dan mekanisasi, serta automasi daripada pemain industri yang berpengalaman dan berkebolehan tinggi.

"Peluang ini membolehkan syarikat menambah baik operasi melalui kemajuan teknologi, seterusnya memastikan pergerakan syarikat selaras dengan Revolusi Perindustrian Keempat atau Industri 4.0 dan Internet of Things (IoT).

“TDM Plantation Sdn Bhd bukan sahaja bertujuan untuk memacu produktiviti dan pertumbuhan ekosistem perladangan, tetapi juga untuk memastikan sistem sokongan yang baik dapat disediakan. Ini termasuklah infrastruktur, kemudahan, latihan dan ilmu pengetahuan yang berkaitan untuk mekanisasi operasi perladangan, menyelesaikan masalah kekurangan tenaga yang semakin meruncing di ladang dan memastikan syarikat kekal berdaya saing, terutamanya ketika mengharungi wabak pandemik kini," ujarnya.

Melalui perjanjian ini, kedua-dua pihak akan bekerjasama untuk memanfaatkan kepakaran dan kekuatan masing-masing.

Dalam tanggungjawab yang dipersetujui, UCTATI akan memberikan sokongan dan nasihat yang diperlukan berhubung dengan inovasi dan mekanisasi aktiviti operasi perladangan, penganjuran simposium, persidangan, kursus pendek dan mesyuarat berkenaan inovasi dan mekanisasi perladangan, perkongsian hasil penyelidikan untuk faedah komersial bagi kedua-dua pihak dan mana-mana bidang kerjasama lain yang dipersetujui bersama.

Sementara itu, Dr Anuar berkata, dengan rangkaian pakar berkemahiran tinggi yang cekap, lengkap dengan keupayaan dalam pelbagai bidang teknikal, pihaknya yakin untuk menyokong TDM Plantation Sdn Bhd kearah merealisasikan potensi syarikat sepenuhnya.

“Kami mengharapkan hasil positif daripada gabungan keupayaan TDM Plantation Sdn Bhd

## Berita Terkini


KPDNHEP Kenal Pasti 12 Barangan Kawalan Bagi SHMKM


Nadma Sedia 4,000 Kit Ujian Kendiri COVID-19


Fenomena Air Pasang Besar Bukan Untuk Berpesta


TDM Plantation Jalin Kerjasama Dengan UCTATI Tingkat Produktiviti Syarikat


Banjir: 50 Meter Jalan Di Kampung Lubuk Panjang Runtuh

PALING POPULAR

1 Sekatan Jalan Raya Dikuatkuasakan Di Seluruh Terengganu

2 Gadis Terengganu Dinobat Pelajar Ketujuh Terbaik Dunia

3 'Ingatkan Panas Hingga Ke Petang, Rupanya...' - Rintih Dr Nor Azimi

4 PKPB: Lima Sekatan Jalan Raya Di Terengganu

5 Empat Kluster Baharu Muncul Di Terengganu Dalam 48 Jam

dengan kepakaran teknikal UCTATI. Kita juga bersedia membantu pihak mereka dalam menangani cabaran masa kini dan jangka panjang yang boleh mengganggu momentum syarikat, termasuk dalam usaha mengurangkan beban kerja yang intensif sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manusia melalui mekanisasi dan automasi teknologi," katanya.

TDM Plantation Sdn Bhd sebelum ini memeterai perjanjian dengan Edaran Badang Sdn. Bhd. bagi mendapatkan jentera Mechanical Buffalos untuk kegunaan ladang.

Tag: Utama Semasa Pendidikan

## Artikel Berkaitan



KPDNHEP Kenal Pasti 12 Barangan Kawalan Bagi SHMKM

04 Dis 2021



Nadma Sedia 4,000 Kit Ujian Kendiri COVID-19

04 Dis 2021



Fenomena Air Pasang Besar Bukan Untuk Berpesta

04 Dis 2021



Banjir: 50 Meter Jalan Di Kampung Lubuk Panjang Runtuh

03 Dis 2021





Don't miss out on the Latest News

We won't spam you and we respect your privacy.

Your Email SUBSCRIBE

TRDI on Youtube

Subscribe to our Youtube channel for all latest in-depth, on the ground reporting from around the world.

SUBSCRIBE

TRDI on Facebook

LIKE

FOLLOW

FOLLOW


Copyright © 2020 TRDI

Powered by **Mysoftcare**

**TRDI**

Youtube

Facebook UPDI

Instagram TVDI

**KORPORAT**

Hubungi Kami

**APLIKASI TRDI NEWS**

ANDROID APP ON Google play

Download on the App Store

**DASAR KESELAMATAN**

Syarat dan Penafian

Polisi dan Peribadi

Polisi Cookie